KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

PENGURUSAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Inisiatif di bawah program ini adalah Program Baik Pulih Rumah, Program Rumah Sejahtera dan Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (Program PEKB).
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah agensi pelaksana di peringkat negeri bagi Program Baik Pulih Rumah dan Program Rumah Sejahtera (Program Perumahan). Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) pula adalah agensi pelaksana bagi Program PEKB.
- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan PPKB telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mengurangkan beban tanggungan serta meningkatkan keupayaan dan kualiti hidup keluarga B40 demi kesejahteraan komuniti.
- Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) setakat 31 Disember 2021.
- Prestasi program dinilai berdasarkan kepada dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan program pula meliputi tiga perkara iaitu prestasi kewangan, pengurusan Program Perumahan dan pengurusan Program PEKB.
- Pengauditan melibatkan Bahagian Kesejahteraan Komuniti, KPKT; Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Perangkaan Malaysia; dan PBT.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Kerajaan amat prihatin terhadap golongan miskin dan sentiasa berusaha untuk membasmi kemiskinan serta meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

- Terdapat pelbagai program bantuan telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan.
- Pengauditan dijalankan untuk memastikan objektif PPKB berjaya dicapai dan memberi impak kepada golongan sasar.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan bahawa walaupun prestasi output program tercapai, namun bantuan yang diluluskan tidak diagihkan secara seimbang dan tepat kepada golongan sasar. Prestasi keberhasilan program juga tidak tercapai sepenuhnya kerana masih terdapat peserta yang tidak menjana pendapatan untuk keluar dari garis kemiskinan. Selain itu, pengurusan program kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan yang boleh ditambah baik agar golongan sasar mendapat manfaat secara optimum. Kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian oleh KPKT seperti berikut:

Prestasi PPKB

- Sasaran Program Baik Pulih Rumah tahun 2016 sebanyak 2,300 rumah peserta tidak tercapai kerana agensi pelaksana gagal melaksanakan kerja baik pulih melibatkan rumah 113 peserta. Rumah lima peserta lagi adalah tidak ekonomik untuk dibaiki dan terpaksa dibatalkan.
- Majlis Daerah (MD) Simpang Renggam, MD Cameron Highlands dan MD Nabawan tidak mempunyai Program Perumahan kerana tidak pernah mengemukakan permohonan dalam tempoh RMKe-11.
- Kelulusan kerja baik pulih/bina baharu rumah kepada 39 peserta dengan nilai bantuan berjumlah RM620,000 tidak dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan MD Kota Belud.
- Seramai 2,193 peserta (15.8%) yang diluluskan bantuan adalah peserta yang menetap di luar bandar.
- Seramai 309 peserta (12.5%) tidak berjaya menjana pendapatan minimum yang ditetapkan.
- Seramai 25 peserta (50%) tidak memanfaatkan peralatan yang diterima dan 36 peserta (72%) masih kekal dalam kategori miskin/miskin tegar.

Pengurusan Program Perumahan

- Sembilan PBT tidak mewujudkan Akaun Khusus PPKB manakala 22 PBT mempunyai baki akaun iaitu antara RM11,808.43 hingga RM2.06 juta dengan baki keseluruhan berjumlah RM4.82 juta.
- PBT tidak memastikan borang permohonan peserta lengkap (17 PBT); tidak mengadakan lawatan tapak untuk mengesahkan status kemiskinan dan keadaan fizikal rumah Ketua isi Rumah (KIR)/Ahli Isi Rumah (AIR) (10 PBT); tidak mempunyai ID Pengguna sistem eKasih (15 PBT); dan tidak mengemukakan nama KIR/AIR yang disahkan dalam Mesyuarat Focus Group kepada Pejabat Pembangunan Negeri untuk proses verifikasi dan pendaftaran dalam sistem eKasih (10 PBT).
- Dalam tempoh RMKe-11, seramai 603 peserta (6.6%) yang diluluskan bantuan tidak berdaftar dalam sistem eKasih; 472 (5.6%) peserta turut menerima bantuan baik pulih/bina baharu rumah daripada agensi Kerajaan yang lain; dan maklumat bantuan yang diterima oleh 1,974 peserta Program Perumahan (23.3%) tidak dikemas kini dalam sistem eKasih.
- Skop kerja tertentu tidak dilaksanakan sepenuhnya/ sebahagian mengikut spesifikasi mengakibatkan bayaran yang dibuat kepada kontraktor berjumlah RM402,046 tidak teratur.

Pengurusan Program PEKB

- NGO A dilantik secara terus untuk tempoh tiga tahun berturut-turut kerana terdapat lebihan peruntukan berjumlah RM2.59 juta dalam tempoh tersebut. NGO B dan NGO C pula dilantik semula walaupun prestasi tidak memuaskan.
- Empat NGO tidak melaksanakan bancian dan pengesahan peserta.
- Penggantian peserta dibuat tanpa kelulusan membolehkan KPKT menuntut bayaran balik berjumlah RM210,000 daripada NGO (baki RM50,000 masih belum diperoleh setakat bulan Jun 2022).

- NGO lewat membekalkan peralatan dan denda berjumlah RM0.62 juta boleh dikenakan kepada NGO;
- NGO membekalkan peralatan tidak selaras dengan kursus diikuti; dan tidak mengikut spesifikasi/pembayaran.
- Peralatan yang tidak dimanfaatkan oleh 10 peserta bernilai RM18,315.
- Bayaran penginapan dan makan minum yang dibuat kepada NGO melebihi kadar yang ditetapkan mengakibatkan lebihan bayaran berjumlah RM9,210.
- NGO tidak menjalankan pemantauan sebanyak enam kali, namun bayaran keempat berjumlah RM222,700 kepada NGO dibuat sepenuhnya tanpa pemotongan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat ditambah baik dalam pelaksanaan program, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:
  - KPKT hendaklah menilai semula kriteria kelayakan peserta yang ditetapkan supaya golongan yang mendapat manfaat program adalah golongan B40 di bandar dan memastikan tiada pertindihan bantuan kerana sumber kewangan kerajaan yang terhad.
  - KPKT hendaklah menilai semula kaedah pemilihan peserta dan bidang kursus yang ditawarkan dengan mengambil kira keperluan semasa dan kehendak pasaran supaya pendapatan dapat dijana secara optimum dan berterusan selari dengan minat peserta seterusnya membantu mereka keluar dari kemiskinan.
  - KPKT hendaklah menilai semula keperluan/mekanisme untuk menguruskan peralatan yang tidak digunakan oleh peserta Program PEKB supaya tiada kerugian di pihak Kerajaan terhadap perbelanjaan yang dibuat.
  - KPKT hendaklah memberikan tumpuan terhadap usaha penambahbaikan mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian program yang dilaksanakan agar dapat mencapai matlamat yang disasarkan dengan berkesan.